

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah dana pembiayaan Bumiputera telah dimohon sejak ia diperkenalkan sehingga kini. Minta pecahan anggaran jumlah mereka yang layak mengikut industri dan jumlah pemohon mengikut negeri sejak ia dibuka sehingga kini.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri, telah melaksanakan pelbagai program pembangunan serta pembiayaan bagi usahawan Bumiputera sejak penubuhan TERAJU dari tahun 2011 sehingga kini. Antara program pembiayaan yang dijalankan oleh TERAJU adalah seperti program Dana Mudah Cara, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (“SUPERB”), Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (“DPUB”) dan program Dana TERAS.

2. Sehingga kini, sebanyak RM2.243bilion dana pembiayaan telah diluluskan dan disalurkan kepada 16,238 usahawan Bumiputera melalui program-program tersebut. Pecahan dana pembiayaan mengikut program adalah seperti berikut:

No.	Program	Jumlah Penerima/Kelulusan	Jumlah Dana (RM juta)
1.	Dana Mudah Cara	348 penerima	374.51
2.	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera ("SUPERB")	183 penerima	91.5
3.	Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera ("DPUB")	15,210 penerima	75.23
4.	Program Dana TERAS	497 diluluskan	1,702.51
<b>JUMLAH</b>		<b>15,741 penerima 497 diluluskan</b>	<b>2,243.75</b>

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian bagi dana pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:

**i. Program Dana Mudah Cara**

Dana Mudahcara diwujudkan sebagai *tiping point* kepada inisiatif pelaburan swasta. Geran sehingga 10% daripada keseluruhan kos projek yang layak bagi komponen infrastruktur, mesin dan kelengkapan bertindak sebagai pemangkin untuk pelaburan syarikat Bumiputera terutamanya yang melibatkan lima (5) sektor keutamaan iaitu:

- (a) pembinaan & pembangunan hartanah;
- (b) pelancongan;
- (c) pengilangan;
- (d) pertanian; dan
- (e) komunikasi, kreativiti, kandungan dan infrastruktur.

Sehingga tahun 2020, sebanyak RM374.51 juta Dana Mudah Cara telah disalurkan kepada 348 penerima yang terdiri daripada syarikat Bumiputera.

Tahun	Jumlah Penerima	Jumlah Dana (RM juta)
2016	81	114.76
2017	119	142.53
2018	93	87.86
2019	48	24.92
2020	7	4.45
<b>Jumlah</b>	<b>348</b>	<b>374.51</b>

*\*Bermula dari tahun 2020, Dana Mudah Cara telah ditukar kepada Dana Kemakmuran Bumiputera (“DKB”)*

## ii. Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB)

SUPERB menyediakan geran sehingga RM500,000 untuk menyokong idea perniagaan yang inovatif dan kreatif. Ia merupakan pembiayaan untuk membantu syarikat-syarikat *start-up*. Program ini dibuka kepada Bumiputera yang ingin menjadi usahawan atau syarikat Bumiputera yang beroperasi kurang daripada 3 tahun. Sehingga tahun 2020, sebanyak RM91.5 juta dana SUPERB telah diluluskan dan disalurkan kepada 183 usahawan Bumiputera.

Negeri	Jumlah Penerima	Jumlah Dana (RM juta)
Kuala Lumpur	35	17.50
Selangor	68	34.00
Melaka	1	0.50
Negeri Sembilan	7	3.50
Pulau Pinang	5	2.50
Kedah	6	3.00
Perlis	1	0.50
Perak	10	5.00
Kelantan	6	3.00
Terengganu	9	4.50
Pahang	2	1.00

Johor	17	8.50
Sarawak	9	4.50
Sabah	7	3.50
<b>Jumlah</b>	<b>183</b>	<b>91.50</b>

**iii. Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB)**

Program DPUB memberi penekanan dan fokus untuk membangunkan kapasiti dan kemampuan komuniti B40 yang berada di luar bandar bagi melahirkan usahawan dan produk-produk Bumiputera. Program ini memberi tumpuan kepada penerapan elemen keusahawanan dalam komuniti dengan berasaskan inovasi, teknologi dan pembaharuan yang mana melibatkan Pemindahan Ilmu & Teknologi, Infrastruktur Asas & Modal Insan, Marketing Mix – 5P dan Rantai Pemasaran. Sehingga tahun 2020, sebanyak RM75.23 juta dana DPUB telah disalurkan kepada 15,210 penerima yang terdiri daripada usahawan Bumiputera.

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Penerima</b>	<b>Jumlah Dana (RM juta)</b>
ECER	2,110	9.00
NCIA	731	12.04
IRDA	1,123	7.71
Sabah	10,373	31.48
Sarawak	873	15.00
<b>Jumlah</b>	<b>15,210</b>	<b>75.23</b>

**iv. Program Dana TERAS**

Program Dana TERAS bertujuan memudahkan pengembangan perniagaan syarikat Bumiputera di bawah Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS). Pembiayaan di bawah Dana TERAS adalah untuk modal kerja dan pembelian aset. Dana ini disediakan secara kolaborasi antara TERAJU dan institusi kewangan.

**NO. SOALAN : 43**

Dana TERAS hanya terbuka kepada syarikat yang berada di bawah program syarikat TERAS. Sehingga tahun 2020, sebanyak 497 permohonan telah diluluskan dengan jumlah dana diperuntukkan adalah sebanyak RM1,702.51 juta.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kelulusan</b>	<b>Jumlah Dana Diperuntukkan (RM juta)</b>
2012	26	180.42
2013	105	238.11
2014	120	365.59
2015	106	238.00
2016	49	196.93
2017	43	180.19
2018	39	265.15
2019	7	34.60
2020	2	3.50
<b>Jumlah</b>	<b>497</b>	<b>1,702.51</b>

Sekian, terima kasih.